

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG  
(BUKIT MERTAJAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.04.2015**

**Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keputusan Kerajaan tentang rayuan untuk mengecualikan setiap ubat daripada GST. Sekiranya ditolak, apakah sebabnya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan bahawa GST bagi ubat-ubatan mengikut senarai Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Ubat Penting Nasional atau National Essential Medicines (NEM) adalah pada kadar sifar. NEM adalah

senarai ubat yang perlu ada dan merupakan sebahagian daripada 7,000 produk Ubat Terkawal dan 4,000 produk Ubat Bukan Racun yang dikategorikan oleh Kementerian Kesihatan. Ubat-ubatan dibawah NEM yang disenaraikan pada kadar sifar adalah terdiri daripada 4,217 jenama yang meliputi 320 entiti kimia dan bagi kegunaan 30 jenis penyakit seperti sakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan kanser.

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7620**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai penjawat awam yang terlibat dalam sindiket kad pengenalan yang dikenal pasti setelah Laporan RCI Sabah diumumkan dan senaraikan nama-nama mereka dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat.

**JAWAPAN:**

**Tuan yang di-Pertua,**

**Seperti mana yang dimaklumi, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Pemandang Asing di Sabah menurut Seksyen 2(1)(d) dan Seksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 pada 06 September 2012 dan menetapkan lapan (8) Terma Rujukan bagi Suruhanjaya ini. Seterusnya, ketelusan Kerajaan juga dapat dilihat melalui keputusan Jemaah Menteri yang telah bersetuju supaya hasil siasatan dan laporan Suruhanjaya ini diumumkan kepada orang ramai dan perkara ini telah dilaksanakan pada 03 Disember 2014 melalui Sidang Media oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.**

**Turut dimaklumi bahawa Suruhanjaya Siasatan juga menyentuh mengenai “Projek IC” yang telah dibangkitkan dari kalangan ahli politik, penulis, wartawan dan orang ramai. Walau bagaimanapun, saksi-saksi yang memberikan maklum balas berhubung dakwaan kewujudan “Projek IC” ini bukan sahaja tidak tertakluk kepada pemeriksaan balas malah merupakan bekas pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 berkaitan penglibatan mereka dalam pengeluaran kad-kad pengenalan secara haram. Kementerian ini juga ingin memperjelaskan bahawa tindakan ke atas 23 orang**

pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara yang terlibat dengan sindiket pengeluaran Kad Pengenalan tidak teratur telah pun lama diambil iaitu sebelum penubuhan Suruhanjaya Siasatan dan mereka turut dikenakan tindakan tatatertib termasuk ada yang telah dibuang kerja.

Seperkara yang perlu diberikan perhatian bahawa, adalah wajar untuk kita turut sama mengambil maklum bahawa Suruhanjaya Siasatan juga mendapati Jabatan Pendaftaran Negara telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebelum ini untuk meningkatkan dan menambahbaik sistemnya secara beransur-ansur dalam menangani penyalahgunaan yang dilakukan oleh sindiket atau individu tertentu. Hal ini termasuklah pengeluaran Kad Pengenalan secara berpusat (*centralisation*) dengan menggunakan Sistem Pengecaman Cap Jari Bersepadu (*Automated Fingerprint Identification System–AFIS*), langkah-langkah menambahbaikkan tatacara pengendalian standard pengeluaran Kad Pengenalan dengan memperkenalkan ciri-ciri keselamatan yang baik serta berkesan, penubuhan Unit Khas Sabah dan Sarawak untuk menangani permohonan Kad Pengenalan bermasalah serta memanfaatkan *Agency Link-Up Information System (ALIS)* dalam penentusahan maklumat yang meragukan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan amat berharap agar isu mengenai pendatang asing di Sabah ini tidak lagi dipolemikkan. Dalam hal ini, Kerajaan ingin menumpukan segala perhatian ke hadapan (*way forward*) dalam menyelesaikan isu yang dibangkitkan ini melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah dan menjadikan dapatan Suruhanjaya Siasatan sebagai panduan dan rujukan.**